



KONSEP KESANTUNAN KOMUNIKASI BERDASARKAN LAFAZ AL-TA'DIL DI SISI IBN HAJAR AL-'ASQALANI

(The Concept of Communication Politeness Based on the Term of *al-Ta'dil* of Ibn Hajar al-'Asqalani)

Abu Dzar Ahmad¹, Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi², Muhamad Razif Ahmad³
^{1,2,3}Jabatan Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Abstract

The credibility of the narrator in the chain of sanad is assessed using the method of al-Jarh wa al-Ta'dil. The standard of their credibility is looking through two main angles which are al-Dabt (accuracy of knowledge) and al-'Adalah (personality) based on the justification of sanad. Therefore, many expertise in this field that we can explore including Ibn Hajar al-'Asqalani. The use of the method of al-Tacdil discussed by Ibn Hajar should be highlighted the communication of society by implementing it in the element of communication politeness. Furthermore, this article using descriptive and thematic studies based on qualitative research. The results of this study found that Ibn Hajar al-'Asqalani's expertise in the field of criticism and praise of hadith narrators transcends his prominence among nuqqad which can be as a basic guidance and interpret it as politeness in everyday conversation as he classifies tajrih and ta'dil utterances in stages.

Kata Kunci: *Concept of communication, politeness, method of al-Ta'dil, Ibn Hajar al-'Asqalani.*

Article Progress

Received: 22 March 2022
Revised: 10 April 2022
Accepted: 2 May 2022

*Corresponding Author:
Abu Dzar Ahmad.
Jabatan Quran dan Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Islam Pahang
Sultan Ahmad Shah
Email:
abudzar@unipsas.edu.my

PENDAHULUAN

Tutur bahasa dan percakapan sewajarnya disulami dengan unsur-unsur yang mencerminkan prinsip agama seperti nasihat, berlemah-lembut dan mewujudkan medium perbincangan melibatkan dua hala dalam komunikasi. Menurut Rahbiahtul Adauwiyah (2014), penjiwaan kesantunan dalam komunikasi melambangkan moral interaksi dalam perbualan sesama manusia. Justeru, tutur kata yang dititipkan ketika berbicara menjadi perantara alat komunikasi masyarakat untuk berhubung (Wan Siti Fatimah Akmal Wan Hasan dan Suhaila Zailani @ Ahmad 2019). Kesantunan berkomunikasi sebenarnya menyentuh prinsip komunikasi Islam yang mengaitkan elemen percakapan masyarakat dalam komuniti tanpa mengira bangsa dan agama (Wan Aminurrashid 2002).

Namun, Menurut Ku Zaimah Che Ali dan Mardzelah Makhsin (2019) nilai kesantunan tutur kata dalam komuniti terutama golongan muda terjebak dengan perkara yang menghakis nilai dan etika komunikasi. Beberapa faktor yang menyebabkan perkara sedemikian itu berlaku tanpa perlu diajar tapi hanya sekadar melihat telah mencalarakan nilai kesantunan. Salah satu daripadanya ialah faktor media massa, masyarakat dipaparkan dengan video-video atau filem-filem dari Barat yang menarik anak muda membudayakannya dalam percakapan selain faktor pengaruh persekitaran (Abu Dzar Ahmad 2019). Oleh itu, Islam wajar berperanan mengetengahkannya agar masyarakat menterjemahkan cara-cara bertutur menggunakan konsep kesantunan yang dianjurkan syarak (Muhamad Fairuz Ali dan Che Radiah Mezah 2019). Kesantunan boleh didefinisikan kepada dua jenis yang lazimnya diamalkan dalam masyarakat. Dua yang dimaksudkan ialah tutur bahasa dengan lisan dan tutur bahasa dengan gerak-geri tubuh badan tanpa menggunakan suara (Zaimah Che Ali dan Mardzelah Makhsin 2019). Tambahan Ku Zaimah Che Ali dan Mardzelah Makhsin (2019) lagi tutur bahasa secara lisan itu difahami mengamalkan elemen kehalusan dalam percakapan menggunakan bahasa yang sopan sama ada dengan

lisan mahupun tulisan. Adapun, tutur bahasa dengan gerak-geri tubuh badan disampaikan melalui bahasa isyarat, sentuhan, pandangan mata dan ekspresi wajah.

Awang Sariyan (2007) merumuskan bahawa di dalam agama Islam, prinsip berkomunikasi wajar dipupuk dengan konsep santunan berlandaskan adab dan tatasusila. Justeru, tatasusila yang dikatakan mempunyai maksud pada kesantunan berbahasa yang perlu memupuk setiap tutur bahasa dengan elemen nasihat, teguran dan meskipun dengan tegahan. Senada dengan Mohd Nazeli Ahmad (2009) dalam kenyataan beliau, kesantunan berkomunikasi mempunyai prinsip memelihara lidah daripada mengeluarkan perkataan yang tidak elok dan kesat. Al-Khatib (2012) pernah mengulas maksud kesantunan yang terdapat dalam al-Qur'an. Bahkan Rusydi Room (2013) menerangkan bahawa kesantunan bahasa di dalam al-Qur'an dibina berdasarkan empat pendekatan yang dinukil dari pernyataan *nas-nas* al-Qur'an seperti *Qawlan sadida*, *Qawlan ma'rufa*, *Qawlan baligha* dan *Qawlan maysura*. Selain meneladani pendekatan kesantunan dalam al-Qur'an dan hadith dalam tutur kata manusia, kaedah dalam ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* merupakan elemen lafaz-lafaz yang mengukur kredibiliti perawi hadith dalam menghasilkan riwayat-riwayat sama ada diterima atau ditolak (Ahmad Kamil Jamilin 2016).

Oleh demikian, dalam disiplin ilmu sanad, ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* sebenarnya lafaz yang memperkatakan perihal perawi yang ditelaah kriteria menggunakan unsur-unsur pujian dan kritikan (Al-Khatib al-Baghdadi 1996). Menurut al-Sakhawi (2003), ilmu berkaitan *al-Jarh wa al-Ta'dil* ialah satu ilmu yang boleh memudahkan penuturnya tergelincir jika pujian terhadap perawi yang wajar disandarkan bukan gelaran pemiliknya begitu juga sekiranya kritikan terhadap perawi yang sepatutnya disandarkan bukan pada empunya badan. Setiap khabar yang diperolehi menurut kaedah *al-Jarh wa al-Ta'dil* perlu diteliti keabsahan sumbernya, antara satu kaedah yang diketengahkan dalam kalangan ulama *nuqqad* ialah 'tidak diterima suatu kritikan daripada penilai yang bermasalah sekiranya pernyataan itu bercanggah dengan penilaian yang lebih konkrit dengan melampirkan sebab' (Ahmad Kamil Jamilin 2016). Ramai para ilmuwan yang pakar dalam bidang ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil*, antaranya ialah Ibn Hajar al-Asqalani [w852H].

Oleh itu, artikel ini akan menggali kepakaran Ibn Hajar al-Asqalani dalam bidang *al-Jarh wa al-Ta'dil* di dalam karya yang berorientasikan ilmu Rijal al-Hadith. Artikel ini telah memfokuskan enam lafaz *al-Ta'dil* di sisi Ibn Hajar al-Asqalani di dalam *Taqrib al-Tahdhib*. Sehubungan itu, artikel ini menggunakan kaedah deskriptif dan tematik berasaskan kajian kualitatif.

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengetengahkan ketokohan Ibn Hajar al-Asqalani dalam ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* agar lafaz-lafaz *al-Ta'dil* yang diklasifikasi sebagai lafaz-lafaz pujian dalam kesantunan komunikasi dapat diimplementasikan. Konsep ini perlu dibina dan diperluaskan berdasarkan dua aspek penting agar nilai kesantunan komunikasi boleh dipraktik dan diamalkan dalam masyarakat. Tuntasnya, lafaz-lafaz tersebut bertujuan dapat bukan sekadar memperkenalkan kaedah *al-Jarh wa al-Ta'dil* bahkan melahirkan masyarakat yang sejahtera dan dapat menghindari konflik dalam pertuturan harian.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif menggunakan kaedah deskriptif dan tematik. Artikel ini meneroka kaedah dalam lafaz-lafaz *al-Ta'dil* ulama *nuqqad* dan difokuskan lafaz yang telah diketengahkan oleh Ibn Hajar al-Asqalani di samping merungkai konsep kesantunan berkomunikasi untuk dimanfaatkan masyarakat. Artikel ini menyingkap beberapa inti pati lafaz-lafaz *al-Ta'dil* yang mempunyai keterkaitannya dengan elemen masyarakat berinteraksi. Justeru, lafaz-lafaz *al-Ta'dil* di sisi Ibn Hajar al-Asqalani menyentuh enam elemen pujian berbanding pakar rujuk ilmu al-Rijal yang seangkatan dengannya. Sugiyono (2005) menjelaskan bahawa kaedah deskriptif merupakan suatu metodologi yang digunakan untuk menganalisis suatu sampel yang telah dikumpul dan membuat kesimpulan secara umum. Artikel ini melibatkan dokumen yang diperolehi daripada sumber primer yang dipilih di dalam karya beliau yang berjudul *Taqrib al-Tahdhib*. Artikel ini memfokuskan kaedah

dalam lafaz-lafaz *al-Ta'dil* di sisi beliau diukur berdasarkan *ʿudul* iaitu keperibadian yang baik para perawi dalam memelihara kesahihan sesebuah riwayat. Oleh itu, kaedah tematik diketengahkan dalam artikel menampakkan kesantunan ini dapat menangani isu-isu ketirisan komunikasi. Artikel ini meninjau penggunaan lafaz-lafaz *al-Ta'dil* di sisi Ibn Hajar dari perspektif pendidikan moral komunikasi agar lafaz-lafaz pujian tersebut diterap dan dipupuk dalam sosiobudaya masyarakat (al-ʿOmoush 2010).

BIOGRAFI RINGKAS IBN HAJAR AL-ʿASQALANI DAN KEMBARA ILMUNYA

Nama sebenar Ibn Hajar al-ʿAsqalani ialah Ahmad bin ʿAli bin Muhammad bin Muhammad bin ʿAli al-Syafiʿ al-Dimasyqi al-ʿAsqalani al-Kinani. Ibn Hajar dilahirkan di Kaherah, Mesir pada tahun 773H dan dibesarkan dalam sebuah keluarga al-Khawaja Abu Bakr bin ʿAli al-Kharrubi selepas kemangkatan. Beliau juga dibesarkan juga oleh seorang tokoh ulama yang terkenal pada zaman tersebut iaitu Shams al-Din Muhammad bin ʿAli bin al-Qattan al-Misri (Sulaiman 2017). Kehebatan dan keserjanaan ilmu yang dimiliki oleh Ibn Hajar al-ʿAsqalani bermula apabila beliau mempelajari ilmu-ilmu asas dalam bidang usul *al-fiqh*, ilmu kesusasteraan dan bahasa pada usia 19 tahun melalui Muhammad al-Qattan. Ibn Hajar al-ʿAsqalani juga meminati ilmu-ilmu berkaitan dengan bahasa dan sastera sehingga beliau menghasilkan sebuah karya yang popular bagi orang yang belajar dalam bidang bahasa Arab iaitu *Diwan Ibn Hajar* (Supian 2017).

Menyingkap perjalanan ilmu yang dipelajari beliau, Ibn Hajar al-ʿAsqalani juga menjadi tempat rujukan masyarakat dalam beberapa bidang seperti ilmu fiqh, mantiq, sastera dan bahasa, falsafah dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kamus ketika beliau berumur 23 tahun iaitu pada tahun 795H (S, M 2015). Pada tahun 796H, Ibn Hajar al-ʿAsqalani memulakan pembelajaran dalam dunia baharu iaitu ilmu pengkhususan bidang hadith apabila beliau berguru dengan Zayn al-Din al-ʿIraqi. Bertitik tolak dari situ, Ibn Hajar al-ʿAsqalani menyelami bidang hadith dengan tokoh tersebut sehingga beliau menjadi pakar rujuk bidang hadith dalam dunia Islam selain mendalami ilmu-ilmu berkaitan fiqh dan *usulnya* dengan Siraj al-Din al-Bulqini yang merupakan tokoh dalam bidang hadith hukum (Suliaman, I 1998).

Pengembaraan ilmu hadith yang dialami oleh Ibn Hajar al-ʿAsqalani melalui proses pembelajaran yang bermula rehlah ilmunya dari Iskandariah di Mesir dengan sekelompok ulama hadith seperti Ibn Sulaiman al-Fishi, Ibn al-Buri dan Ibn al-Hussayn al-Tunisi. Di samping itu, Ibn Hajar al-ʿAsqalani juga mendalami ilmu hadith dengan ulama hadith di bumi Yaman. Antara ulama yang hadith yang beliau pelajari dalam bidang hadith ialah Biltaqi Ahmad bin Ibrahim al-Qawsi dan ʿAli bin Ahmad al-Sanʿani (al-Sakhawi 1999).

PANDANGAN SARJANA TERHADAP IBN HAJAR AL-ʿASQALANI

Kesarjanaan beliau diperakui oleh guru beliau sendiri Zayn al-Din al-ʿIraqi apabila orang bertanya kepada beliau mengenai siapa yang layak menggantikan beliau, maka al-ʿIraqi menyebut nama Ibn Hajar al-ʿAsqalani, kemudian disebut nama Abu Zurʿah al-Razi dan akhir sekali beliau menyebut Ibn Hajar al-Haithami. Pujian yang dilontarkan oleh al-ʿIraqi mengenai Ibn Hajar al-ʿAsqalani kerana beliau merupakan salah seorang anak murid beliau yang menguasai ilmu hadith. Ibn al-Mughali merupakan pakar rujuk dalam mazhab Hanbali memperakui Ibn Hajar al-ʿAsqalani individu yang mahir dalam bidang hadith khususnya ilmu yang merangkumi aspek ilmu *al-Rijal*, *tabaqat* dan *syarh hadith* (Ngarfillah 2016)

ANTARA KARYA DAN PENULISAN BERORIENTASIKAN HADITH

Antara karya-karya yang dihasilkan beliau adalah seperti berikut:

1. *Fath al-Bari bisyarh Sahih al-Bukhari*.
2. *Al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*.
3. *Tahdhib al-Tahdhib*.
4. *Taqrib al-Tahdhib*.

5. *Ta'jil al-Manfa'ah*.
6. *Lisan al-Mizan*.
7. *Talkhis al-Habir fi Takhrij al-Rafi' al-Kabir*.
8. *Al-Dirayah fi Takhrij Ahadith al-Hidaya*.
9. *Taghliq al-Ta'liq ala Sahih al-Bukhari*.
10. *Nukhbah al-Fikar*. (al-Sakhawi 1999)

KESANTUNAN MENURUT ULASAN SARJANA

Kesantunan merupakan tutur kata dan perbuatan yang meliputi unsur-unsur nasihat, berlembut, berbincang yang melibatkan pola dua hala dalam komuniti. Kesantunan berbahasa mengaitkan hubungan secara langsung dengan manusia ketika berlaku proses komunikasi dua hala. Kesantunan yang difahami sebenarnya menyentuh prinsip komunikasi Islam dalam masyarakat muslim sesama manusia (Wan Aminurrashid 2002). Menurut Rahbiahtul Adauwiyah (2014), moral yang baik ketika berinteraksi menzahirkan kejiwaan kesantunan ketika berlaku proses berbual dalam komuniti. Oleh itu, Islam mempamerkan kaedah dan panduan bagi masyarakat menterjemahkan cara-cara berinteraksi menggunakan prinsip kesantunan bahasa dalam berkomunikasi (Muhamad Fairuz Ali dan Che Radiah Mezah 2019).

Mustafa Haji Daud (1995) berpandangan percakapan yang membawa erti kehalusan dalam menggunakan bahasa ketika berkomunikasi melalui lisan mahupun tulisan merupakan konsep kesantunan yang dimaksudkan. Sebuah kajian yang pernah dijalankan oleh Lakoff pada tahun 1975 menyimpulkan bahawa dua konsep kesantunan yang dirumuskan ialah konsep membuka ruang dan konsep memberi pilihan kepada masyarakat di samping menjadi pendengar yang setia (Riduan Makhtar dan Abd Ganing Laenkang 2016). Brown dan Levinson (1987) turut menyatakan pandangan dalam kajian mereka, kesantunan perlu dilihat pada elemen yang mengungkap tutur kata termasuk perbuatan kerana perkara tersebut merangka konsep kesantunan sebagai pengukur dalam percakapan harian. Justeru, Nooh Gadut (2013) dalam sebuah kenyataan menyatakan bahawa ketirisan pergaulan dalam masyarakat boleh menghakis kesantunan sekiranya percakapan yang tidak enak dilatari sentiasa. Hal ini juga boleh menular, antara dua punca yang melibatkan pergeseran interaksi dalam institusi keluarga sama ada dalaman dan luaran.

Amat Juhari Moain (2001) berpendapat kehalusan dalam budi bicara merupakan elemen kesantunan bahasa dalam interaksi sama ada melalui lisan atau pun tulisan. Perkembangan sosiobudaya masyarakat berinteraksi sesama mereka dibentuk mengikut arus persekitaran yang mereka lalui (Mafri Amir 1999). Rumusannya, unsur-unsur dalam kesantunan bukan sahaja perkara yang disarankan dalam al-Qur'an bahkan kesantunan harus disingkap dan diterokai dalam kaedah ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* yang diketengahkan khususnya dalam lafaz *al-Ta'dil* iaitu lafaz pujian terhadap perawi dalam rantai sanad. Ilmu ini juga mendedahkan masyarakat agar dapat menyemai secara praktikal dalam kehidupan mereka melalui implementasi kesantunan berbahasa ketika berinteraksi dengan masyarakat sekeliling (Ahmad Kamil Jamilin 2016).

LAFAZ-LAFAZ AL-TA'DIL DI SISI IBN HAJAR AL-[°]ASQALANI

Kepakaran ulama hadith dalam bidang ilmu al-Rijal sememangnya mempunyai kemahiran yang jitu dalam mengklasifikasikan lafaz-lafaz yang menisbahkan kepada perawi dalam sanad sehingga terbentuk dua entiti utama dalam ilmu al-Rijal iaitu lafaz pujian dan kritikan. Antara pakar rujuk dalam ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dil* yang menjadi sumber dan sandaran dalam pengkajian ilmu al-Rijal bagi para pengkaji dan penyelidik yang menceburi bahkan mendalami ilmu dalam bidang hadith ialah seperti Ibn Abi Hatim al-Razi, Ibn al-Salah, Zayn al-Din al-[°]Iraqi, Ibn Hajar al-[°]Asqalani, al-Dhahabi dan Jalal al-Din [°]Abd al-Rahman al-Suyuti (al-Farmawi 2005). Hal ini kerana kesarjanaan, sumbangan dan jasa mereka menjadikan setiap untaian lafaz yang merumuskan keperibadian perawi dalam setiap hadith-hadith baginda Nabi SAW yang disampaikan dari generasi ke generasi supaya ketulenan *nas-nas* dalam riwayat dapat dipelihara (Al-Judai' 1997). Justeru, ilmu yang memelihara sumber terpenting dalam

agama iaitu keabsahan sunnah dan ketulenan warisan hadith-hadith baginda Nabi SAW. Ilmu ini juga menjadikan setiap lafaz yang direkod mempunyai seninya yang halus berdasarkan piwaian disiplin imu sanad dan beberapa garis panduan dibina agar dapat menghindari berlakunya kegelinciran di luar landasannya. Oleh itu lima lafaz-lafaz *al-Ta'dil* yang dirumuskan oleh Ibn Hajar al-^oAsqalani di dalam karya beliau (Ibn Hajar al-^oAsqalani 1991) ialah:

1. *Thiqah Hafidh* atau *Awthaq al-Nas* (ثقة حافظ، أوثق الناس)
2. *Thiqah, Thabbit, Mutqin, ^oAdl* (ثقة، ثبت، متقن، عدل)
3. *Laysa bih ba's, La ba's bih, Saduq* (ليس به بأس، لا بأس به، صدوق)
4. *Yukhti', Saduq si' al-Hifdh* (يخطئ، صدوق سيء الحفظ)
5. *Layyin al-Hadith, Maqbul haithu yutabi'* (لين الحديث، مقبول حيث يتابع)

Menurut ulasan Ahmad Mohamed Shakir (1979), lafaz-lafaz *al-Ta'dil* di sisi Ibn Hajar al-^oAsqalani mempunyai enam peringkat termasuk peringkat pertama iaitu Sahabat RA. Manakala peringkat kedua dan ketiga, lafaz-lafaz tersebut menjustifikasikan hadith-hadith sahih yang dibawa perawi hadith yang sahih martabatnya khususnya perawi-perawi dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Adapun peringkat keempat, kategori hadith-hadith sahih yang dibawa perawi hadith masih berstatus sahih meskipun dihukum hasan di sisi Imam al-Tirmidhi dan didiamkan hukumnya oleh Imam Abu Dawud. Al-Farmawi (2005) menjelaskan bahawa peringkat kelima dan keenam mempunyai lafaz-lafaz yang *mardud* atau ditolak dan juga lafaz-lafaz yang *maqbul* atau diterima. Namun, lafaz dalam peringkat ini masih diterima di sisi Ibn Hajar al-^oAsqalani bersyarat perawi-perawi itu disokong dengan riwayat-riwayat dari susur jalur lain yang mengangkat martabatnya kepada *Hasan lighayrih*. Justeru, Muhammad Amar et al (2015) menyimpulkan bahawa lafaz-lafaz tersebut relevan untuk diimplementasikan kerana kesesuaiannya menuruti konsep kesantunan berkomunikasi. Perkara ini mampu menghasilkan momentum akhlak dan kehalusan berbicara terzahir dengan lebih efektif dan dinamik.

PERBINCANGAN

Masyarakat mempunyai pelbagai peringkat dan usia. Justeru, amalan sosial komuniti melibatkan perbuatan dan pertuturan perlu dipupuk dengan membudayakan kesopanan dan kehalusan bahasa dalam komunikasi di samping menyuburkan sifat-sifat mahmudah (A'dawiyah Ismail 2011). Hal ini senada dengan ulasan al-Nihlawi (2010), prinsip komunikasi dalam Islam diukur melalui cara percakapan sambil menjelaskannya secara berhemah bahkan tutur kata mencapai maksud dan tujuan. Kesantunan berkomunikasi dapat menerapkan gaya bahasa yang mendidik, mudah difahami, seimbang dan bersifat menyeluruh (Mohd Yusuf Ismail et al 2018). Penggunaan bahasa penting kerana kesantunan dapat dizahirkan ketika berinteraksi. Hal ini dirakamkan dalam sebuah riwayat daripada Abi Ya'la RA, berkata Muhammad bin al-Hanafiah RA: Aku telah bertanya kepada baginda Rasulullah SAW sesuatu:

أَيُّ النَّاسِ خَيْرٌ بَعْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ قَالَ: أَبُو بَكْرٍ. قُلْتُ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: عُمَرُ. وَخَشِيتُ أَنْ يَقُولَ عُثْمَانُ، قُلْتُ: ثُمَّ أَنْتَ؟ قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا أَنَا إِلَّا رَجُلٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

Maksudnya:

Siapakah manusia yang terbaik selepas baginda Nabi SAW? Kata baginda: Abu Bakr. Aku Bertanya lagi: Kemudian, siapakah selepasnya? Baginda menjawab: Abu Bakr. Aku bertanya lagi: Siapakah seterusnya? Baginda menjawab: ^oUmar. Lantas, aku merasa bimbang tentang jawapan baginda mengenai ^oUthman. Lalu, aku bertanya: Kemudian, dirimu? Baginda SAW bersabda: Bukan diriku, kerana diriku ini tiada apa-apa (istimewa) kecuali hanya seorang lelaki biasa daripada kalangan orang-orang Islam.

[Al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*, Kitab Fada'il Ashab al-Nabi Salla Allah ^oalaih wa al-Salam, Bab Qawl al-Nabi Salla Allah ^oalaih wa al-Salam: "Law Kunt Muttakhidhan Khalilan", no hadith 3671. Penyusun: Muhammad Fu^oad ^oAbd al-Baqi. Qahirah: Dar Ibn al-Haytham]

Menurut Ibn Hajar al-[◌]Asqalani (2001), kesantunan merupakan elemen yang menyantuni orang sekitar menggunakan gaya percakapan merendah diri. Elemen tersebut merupakan pendekatan nabawi dalam cara berkomunikasi (al-[◌]Omoush 2010). Oleh itu, pembentukan moral komunikasi adalah satu kewajaran masyarakat menzahirkan akhlak dalam pertuturan menggunakan bahasa yang sesuai pada sesuatu keadaan berdasarkan situasi dan tempat (Muhamad Fairuz Ali et al 2018).

Keterkaitan antara kenyataan hadith yang dibawa dengan lafaz-lafaz *al-Ta[◌]dil* di sisi Ibn Hajar al-[◌]Asqalani dapat merumuskan bahawa konsep kesantunan berkomunikasi menyentuh lima kriteria yang berlegar dalam komuniti berinteraksi. Lima konsep kesantunan (Ku Zaimah Che Ali dan Mardzelah Makhsin 2019) yang wajar diimplementasikan masyarakat ialah:

1. Melestarikan hubungan dua hala dengan kehalusan tutur bahasa ketika berkomunikasi.
2. Menjaga air muka pendengar meskipun berlaku perselisihan antara mereka.
3. Mengelak pertuturan yang mengaitkan permasalahan dan konflik.
4. Menyatakan perkara yang baik, bersesuaian dan memberi implikasi yang positif.
5. Menghidupkan suasana harmoni dan seimbang.

Hal ini seiring dengan pandangan al-Qaradawi (1998), percakapan dalam Islam menekankan pendekatan menyeluruh yang bersifat seimbang dalam memahami kenyataan seseorang dengan menjelaskan cara yang menyenangkannya kedua belah pihak. Kesantunan komunikasi perlu menyemai unsur-unsur nasihat untuk disampaikan sehingga memberi kesan kepada pendengar (Awang Sariyan 2015). Pertuturan yang baik menterjemahkan kesantunan komunikasi seseorang dengan manusia lain (Wan Siti Fatimatul Akmal Wan Hasan dan Suhaila Zailani @ Ahmad 2019). Kesantunan komunikasi digambarkan ketulusan murni yang mencerminkan akhlak dalam aktiviti sosial masyarakat menggunakan bahasa yang sesuai, tepat dan mudah difahami pendengar (Zikmal 2015). Bertepatan dengan sebuah kenyataan hadith dari Abi Hurayrah RA berkata, Nabi SAW bersabda:

.. وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ ..

Maksudnya:

..Dan setiap perkataan baik (yang dituturkan) itu adalah sedekah..

(al-Bukhari. 2008. *Sahih al-Bukhari*, Kitab Fadl al-Jihad wa al-Siyar, Bab man akadha bi Rikab wa Nahwih, no hadith 2989)

Konsep kesantunan berkomunikasi perlu dipandu percakapan menuruti landasan agama di samping menyemai nilai-nilai moral (Damayanti Wardyaningrum 2013). Menyantuni orang menggunakan acuan lafaz-lafaz *al-Ta[◌]dil* sebenarnya menyatukan dua perkara dalam satu landskap. Lafaz-lafaz tersebut menjadi kelaziman masyarakat secara tidak langsung meskipun tidak didedahkan secara umum kerana lafaz-lafaz yang diutarakan Ibn Hajar al-[◌]Asqalani memiliki aspek berlembut ketika memuji perawi (Mohd Yusuf Ismail dan Syed Najihuddin Syed Hassan 2011). Rentetan itu, kesantunan komunikasi sebenarnya bertepatan berdasarkan lafaz-lafaz *al-Ta[◌]dil* tersebut. Tuntasnya, Muhammad Taufik et al (2015) berpandangan pendekatan komunikasi yang dianjurkan Islam seharusnya menggunakan konsep kesantunan ketika bertutur dengan orang sekeliling.

KESIMPULAN

Islam amat menitikberatkan setiap orang perlu menyemai elemen kesantunan bahasa dalam perbualan yang diucapkan (Mafri Amir 1999). Elemen kesantunan dalam tutur kata juga mempunyai pelbagai kaedah penyampaian yang berkesan dalam mendekati masyarakat ke arah pembinaan komunikasi berteraskan syarak (Nor Saleha, MS 2012). Justeru, lafaz-lafaz *al-Ta[◌]dil* yang diklasifikasi oleh Ibn Hajar al-Asqalani wajar diketengahkan peranannya agar elemen tersebut dapat didedahkan masyarakat tentang aspek pujian berdasarkan kaedah ilmu *al-Jarh wa al-Ta[◌]dil*. Oleh itu, memperkasakan elemen pertuturan berdasarkan pendekatan dan kaedah ulama juga sebenarnya dapat mendorong masyarakat memupuk peribadi yang unggul selain daripada pendekatan al-Qur'an dan hadith (Jalaluddin Rahmat 1996). Oleh demikian, inti pati lafaz-lafaz *al-Ta[◌]dil* wajar diaplikasi dalam sosial masyarakat bahkan menjadi penyumbang besar bagi membentuk pembangunan jiwa sosiomasyarakat berkomunikasi. Perkara tersebut dapat merawat masalah pergeseran yang menghakis kesantunan masyarakat sehingga

berlaku konflik yang mencalarakan imej (al-Ghazali 2003). Tuntasnya, kesantunan dalam percakapan perlu diberi pendedahan dan menjadikannya sebagai usaha ke arah membentuk keharmonian masyarakat dalam bersosial (Fuad Anshori 2002).

RUJUKAN

- Abd Allah Basmeih. 1983. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Cet. Ke 6. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Dzar Ahmad. 2019. *Kerelevanan Uslub Nabi SAW Dalam Komunikasi Masyarakat Masa Kini*. Al-Sirat, Bil. 18, 2019M/1441H, hlm. 185-199. Kuantan: Jabatan Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI) Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).
- A'dawiyah Ismail. 2011. *Konsep Keluarga Berkualiti Menurut Islam*. Al-Hikmah, Vol 3, 121-144. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan Islam, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Ad-Dien Abdul Kadir. 2016. *Motivasi daripada Hadith Nabi*. Batu Caves: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Amat Juhari Moain. 2001. *Nilai Rasa dalam Bahasa Melayu. Dalam Yaacob Harun, Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajia Melayu, Universiti Malaya (UM).
- Awang Sariyan. 2015. *Santun Berbahasa (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Al-Farmawi, Umar Mohamed Abd al-Mun'im. 2005. *Manar al-Sabil fi al-Jarh wa al-Ta'dil*. Mesir: Maktabah al-Iman bi al-Mansourah.
- Ahmad Kamil bin Jamilin. 2016. *Ilmu Jarh wa Ta'dil: Praktikal Dalam Kehidupan Muslim Dan Pendakwah*. Kertas Kerja Seminar Program Home of Hadith 'Cinta Hadith Wasilah Cinta Rasul', hal. 45-105. Selangor: Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Al-Judai, Yusuf Abd Allah. 1997. *Tahrir Ulum al-Hadith*. Mesir: Dar al-Hadith li Nasyr wa al-Tauzi.
- Al-Khatib, M.A. 2012. *Politenesee in the holy Quran: A sociolinguistic and Pragmatic perspective*. Intercultural Pragmatics 9 (4): 479-509.
- Al-Khatib al-Baghdadi, Ahmad bin Ali bin Thabit. 1996. *Al-Jami li Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami*. Penyemak: Mohamad Ajaj al-Khatib. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Nihlawi, Abd al-Rahman. 2010. *Usul al-Tarbiyah al-Islamiah wa Asalibiha fi al-Bayt wa al-Madrasah wa al-Mujtama*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Omoush, Ahmad Muhammad Falih. 2010. *Al-Talatuf fi Lughah al-Qur'an al-Karim*. Jordan: Universiti Al-Albayt.
- Al-Qaradawi, Yusuf Abd Allah. 1998. *Al-Sunnah Masdaran li Ma'rifah wa al-Hadarah*. Mesir: Dar al-Syuruq.
- Al-Sakhawi, Muhamad bin Abd al-Rahman. 1986. *Al-Flan bi Tawbikh liman Dham ahl al-Tarikh*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sakhawi, Muhamad bin Abd al-Rahman. 2003. *Fath al-Mughith bi Syarh Alfyyah al-Iraqi*. Penyemak: Ali Husin Ali. Mesir: Maktabah al-Sunnah.
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Damayanti Wardyaningrum. 2013. *Komunikasi Untuk Penyelesaian Konflik Dalam Keluarga: Orientasi Percakapan Dan Orientasi Kepatuhan*. Vol. 2, No. 1. Jakarta: Jurnal Al-Azhar
- Fuad Anshori. 2002. *Agenda Psikologi Islam*. Yogyakarta, Indonesia: Pustaka Pelajar.
- Ibn Hajar al-Asqalani, Syihab al-Din Ahmad bin Ali. 2001. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Penyemak: Abd al-Qadir Syaibah al-Hamad. Arab Saudi: Sahib al-Sami al-Maliki al-Amir al-Sultan bin Abd al-Aziz Aal Sa'ud.
- Ibn Hajar al-Asqalani, Syihab al-Din Ahmad bin Ali. 1991. *Taqrib al-Tahdhib*. Penyemak: Muhammad Awwamah. Syria (Halab): Dar al-Rasyid.
- Ibn Kathir, Isma'il bin Kathir. 1979. *Al-Ba'ith al-Hathith Syarh Ikhtisar Ulum al-Hadith*. Penyusun: Ahmad Mohamed Shakir. Mesir: Dar al-Turath al-Arabi li Nasyr wa al-Tauzi.
- Jalaluddin Rahmat. 1996. *Etika Komunikasi Perspektif Religi*. Jakarta: Perpustakaan Nasional.

- Ku Zaimah Che Ali dan Mardzelah Makhsin. 2019. *Kesantunan Bahasa: Definisi dan Bahasa*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Vol. 2, No. 1, hal. 81-101. Kuala Nerus: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Mafri Amir. 1999. *Etika Komunikasi Massa dalam Pandangan Islam*. Jakarta: Logos.
- Mohd Yusuf Ismail dan Syed Najihuddin Syed Hassan. 2011. *Pendekatan Nabawi Dalam Membentuk Remaja Muslim Sejati*. Jurnal Hadith (Edisi Tahun Akhir), Bil. 2, 2011M/1433H, hlm. 31-45. Bangi: Institut Kajian Hadith dan Akidah (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Mohd Nazeli Ahmad. 2009. *Prinsip-prinsip al-Qur'an tentang Kesantunan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Mohd Yusuf, Amiruddin Mohd Sobali dan Zulhilmi Mohamed Nor. 2018. *Pengantar Pengajian Hadith*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Muhammad Amar, M., Mohd Nizho, AR., & Mohd Akram, D. 2015. *Memasyarakatkan Dakwah Berdasarkan Surah An-Nahl Ayat 125: Suatu Sorotan Ringkas*. Memasyarakatkan Quran Mensejahterakan Ummah. Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Muhamad Fairuz Ali dan Che Radiah Mezah. 2019. *Memasyarakatkan Dakwah Melalui Kesantunan Bahasa: Sorotan Ringkas Dalam Al-Qur'an*. Jurnal Al-Sirat, Bil. 18, Vol. 1 (2019): 78-87. Kuantan: Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI) Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS).
- Muhamad Fairuz Ali dan Che Radiah Mezah dan Mohd Sukki. 2018. *Kesantunan Bahasa dalam al-Qur'an: Satu Kajian Dari Perspektif Pendidikan Akhlak dalam Keluarga*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Bil. 18, Vol. 1 (2019): 78-87. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Muhamad Taufik, MS., S.Salahuddin Suyurno, Ain Faezah, R., Mohd Shafie, A., Abdul Rauf, R. 2015. *Elemen al-Hikmah Sebagai Manhaj Rabbaniyah Dalam Penulisan Dakwah Media Baharu*. Memasyarakatkan Quran Mensejahterakan Ummah. Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. 2008. *Sahih Muslim*. Penyusun: Mohammed Tamer. Mesir: Matba'ah al-Madani.
- Nooh Gadut. 2013. Kertas Kerja: *Masyarakat, Pendidikan dan Pembentukan Keluarga Islam Berkualiti*. JAKIM: Laporan Tahunan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2013.
- Nor Saleha, MS. 7 Ogos 2012. Artikel bebas Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Melaka: *Komunikasi Pendekatan Islam*. Melaka: Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka.
- Nazirah, AB & Muhamad Faisal, A. 2018. *Pengaruh Kebebasan Media Baharu Terhadap Pengamalan Agama Islam Satu Tinjauan Literatur*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Ngarfillah, I. 2016. *Riwayat Al-Mubtadi'ah Menurut Ibn Hajar Al-Asqalani dan Implikasinya Terhadap Penilaian Kualiti Hadith*. Indonesia: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Onong, Uchjana Effendi. 2000. *Dinamika Komunikasi*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Rabiahatul Adauwiyah Arifin. 2014. *Pembentukan Keluarga Ideal Menurut Islam dalam Kalangan Ibu Tunggal di Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu*. Bangi: Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusydi Room. 2013. *Konsep Kesantunan Berbahasa dalam Islam*. Jurnal Adabiyah, Vol. XIII, hal. 223-234.
- S, M. 2015. *Metodologi Ibn Hajar Al-Asqalani Dalam Kitab Tahzib Al-Tahzib*. Indonesia: UIN Alauddin Makassar.
- Sulaiman, I. 1998. *Ibn Hajar al-Asqalani: Biografi Seorang Tokoh Ilmu Hadith*. Jurnal Usuluddin, Bil. 7, hlm. 97-128. Kuala Lumpur: Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam (API) Universiti Malaya.
- Sugiyono. 2005. *Memahami Penelitian Kualitatif*. Bandung: ALFABET.
- Supian, A. 2017. *Metode Syarah Fath al-Bari (Studi Syarah Hadith Pada Bab Halawah al-Iman)*. Nuansa, x(1).

- Wan Siti Fatimatul Akmal Wan Hasan dan Suhaila Zailani @ Ahmad. 2019. *Strategi dan Panduan Kesantunan Bahasa Menurut Perspektif Islam*. *Islamiyyat* 41(1) 2019: 117-129. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Zikmal Fuad. 2015. *Pendekatan Bahasa Dalam Dakwah (Satu Kajian Dari Perspektif Al-Qur'an)*. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Jilid II September 2015. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).